




**KENYATAAN MEDIA**  
**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**  
**DAN**  
**MENTERI KEWANGAN II**  
**NEGERI SABAH**

**A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 290 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 28,445 kes. Satu (1) kes kematian dilaporkan di Daerah Tawau. Takziah kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Pada hari ini, seramai 315 pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembah 25,108 orang. Sejumlah 2,252 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 649 orang di hospital dan 1,603 orang di PKRC. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 70 orang dan 17 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).
- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Keningau berubah dari zon merah ke zon jingga. Manakala Kalabakan bertukar dari zon jingga ke zon kuning.

- 4 Pada hari ini, terdapat satu (1) kluster baharu di Daerah Kota Kinabalu iaitu Kluster Batu Lima mencatatkan sebanyak 27 kes berkaitan dengan saringan kontak di Kilang Besi.
- 5 Daripada 290 kes positif COVID-19 hari ini, 128 kes (44.14%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, 90 kes (31.03%) daripada saringan kluster baharu dan sedia ada, saringan bergejala 23 kes (7.93%), saringan komuniti 11 kes (3.79%) dan 38 kes (13.10%) adalah dari lain-lain kategori.
- 6 Jumlah kapasiti katil di Hospital COVID-19 adalah sebanyak 1,007 unit. Sementara, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) adalah 6,097 unit menjadikan jumlah keseluruhan 7,104 unit. Penambahan katil hari ini adalah daripada PKRC baharu di Daerah Sandakan iaitu PKRC Pusat Tahanan Sementara Sandakan dengan 500 unit katil serta penambahan 20 unit katil di PKRC Dewan Masyarakat Papar. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 31.70%.

#### **B. PELANJUTAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI KG. NUMBAK DAN PENEMPATAN TELIPOK, KOTA KINABALU**

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan PKPD di Kg. Numbak dan Penempatan Telipok yang bermula 16 November 2020 dan dijadual berakhir hari ini, 29 November 2020.
- 2 Sehingga 27 November 2020, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesahkan masih terdapat 109 kes aktif di Kg. Numbak manakala 136 kes aktif di Penempatan Telipok.
- 3 Selain jumlah kes aktif yang masih tinggi, terdapat ramai lagi penduduk di kedua-dua lokaliti ini yang perlu menjalani ujian saringan.
- 4 Berdasarkan penilaian risiko dan nasihat KKM, Kerajaan bersetuju untuk melanjutkan PKPD di Kg. Numbak dan Penempatan Telipok, Kota Kinabalu selama 14 hari lagi bermula 30 November 2020 sehingga 13 Disember 2020.

#### **C. BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

- 1 Sehingga hari ini, sebanyak **254,674** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan sasar.

**D. LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sebanyak 69 SJR telah dilaksana melibatkan pemeriksaan 40,295 kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 133 buah kenderaan diarah berpatah balik. Tiada tangkapan namun 29 kompaun dikeluarkan atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM juga telah melaksanakan 66 hebahan melalui kereta peronda.
- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin yang melibatkan 46 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 29 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan.
- 3 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi di dua (2) premis di dua (2) buah daerah iaitu Kinabatangan dan Tawau.
- 4 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 23 lokasi di tiga (3) daerah. Hebahan dibuat dalam empat (4) bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Dusun, Bahasa Bajau dan Bahasa Iranun.

**E. BANTUAN LOGISTIK**

- 1 Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri mempunyai 241 buah kenderaan yang sedia digunakan bagi tujuan bantuan logistik COVID-19.
- 2 Daripada jumlah tersebut, sebanyak 43 buah kenderaan digunakan untuk mengangkut pesakit COVID-19, manakala 28 buah kenderaan digunakan untuk menghantar bakul makanan ke lokasi sasaran. Baki 170 kenderaan pelbagai jenis bersedia digerakkan jika perlu.

## **F. KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB ialah 97.87%. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kinabatangan	99%
2	Sipitang	99%
3	Kota Belud	99%
4	Kudat	98.5%
5	Kunak	98.5%
6	Beaufort	98.5%
7	Kota Kinabalu	98%
8	Penampang	98%
9	Papar	98%
10	Kota Marudu	98%
11	Beluran	98%
12	Sandakan	98%
13	Tuaran	97%
14	Keningau	97%
15	Tenom	97%
16	Tawau	97%
17	Lahad Datu	97%
18	Semporna	97%
19	Ranau	96%

Kerjasama padu daripada semua pihak amat penting dalam usaha untuk memutuskan rantaian COVID-19 dengan mematuhi SOP yang sedang berkuat kuasa dan mengamalkan norma baharu dalam kehidupan seharian.

Masyarakat dinasihatkan untuk menjalani ujian saringan dengan kadar segera sekiranya mempunyai kontak rapat dengan individu yang disahkan positif COVID-19.

**#kitajagakita #stayhome #staysafe  
#workfromhome  
#normabaharu**

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II**

29 November 2020